

* Psychology = Generasi
* pg = 7-9

Memang sudah suratan bahawa penjenayah tidak pernah memilih mangsa, tidak peduli akan siapa mereka, apatah lagi mengenal usia mereka. Kekejaman terhadap Nurul Huda itu menjadi salah satu sejarah hitam negara yang membabitkan kes salah laku seksual terhadap kanak-kanak. Malangnya, cerita hitam ini tidak berhenti setakat itu. Satu per satu kes jenayah seksual membabitkan golongan itu muncul di negara ini. Selain kes Nurul Huda, kes lain yang paling diingat termasuklah jenayah yang dilakukan terhadap Nurin Jazlin Jazimin pada Ogos 2007, Sharlinie Mohd Nashar pada Januari 2008 dan Nurul Nadirah Abdullah pada Mac 2012. Kematian Nurul Nadirah antara kes yang cukup menyayat hati kerana mangsa bukan sahaja diliwat, bahkan kanak-kanak itu berusia lima tahun dibakar sehingga rentung selepas diperkosa.

Isu jenayah seksual kanak-kanak ini tidak boleh diremehkan. Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 12 025 kes pelbagai jenayah seksual membabitkan kanak-kanak di bawah 18 tahun direkodkan sehingga Oktober tahun lalu. Daripada jumlah itu, PDRM mendedahkan bahawa 25 kes pedofilia dilaporkan sejak tujuh tahun yang lalu, bahkan besar kemungkinan masih banyak lagi kejadian seperti itu dipercayai tidak dilaporkan. Kes membabitkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak atau pedofilia perlu ditangani dengan baiknyanya sebelum menjadi lebih parah dan sukar dikawal dalam kalangan masyarakat negara ini.

Sukar dinafikan bahawa kanak-kanak di negara kita semakin terdedah kepada ancaman jenayah seksual yang memerlukan perhatian serius semua pihak dan tindakan bagi memerangi jenayah berkenaan. Renunglah kembali kes lelaki Britain yang dipenjarakan seumur hidup di negara itu kerana jenayah seks terhadap sehingga 200 orang kanak-kanak di Malaysia selama sembilan tahun antara tahun 2006 hingga tahun 2014.

Dalam laporan *Daily Mail*, 2 Jun lalu itu, Richard Huckle, 30 tahun, dari Ashford, Kent, yang menyasarkan kanak-kanak miskin Kristian di Malaysia, mengaku melakukan kesalahan itu terhadap kanak-kanak-perempuan dan lelaki berusia muda enam bulan sehingga 12 tahun, termasuk merogol, melakukan serangan seksual dan mengadakan aktiviti seks dengan kanak-kanak. Kes Huckle itu turut mendedahkan bahawa pasukan pendakwaan Britain mengemukakan 91 tuduhan membabitkan 23 kanak-kanak, 22 dari Malaysia serta seorang dari Kemboja, dan Huckle mengaku terhadap 71 pertuduhan berkenaan.

Kes Huckle ini sedikit banyak mencalarakan imej negara apabila kes itu mendapat liputan antarabangsa. Negara menerima tempiasnya, ada pihak yang menuduh kita tidak cekap. Pada sisi lain, senario ini mula meningkatkan kesedaran umum tentang jenayah ini. Polemik timbul dalam kalangan masyarakat, lantas banyak pihak berpendapat

bahawa jenayah seksual tidak boleh lagi dianggap tabu dan perlu dibincangkan secara terbuka dalam masyarakat, apatah lagi sekiranya membabitkan pedofilia.

Jenayah seperti ini nyata tidak boleh ditiarung. Kerana menyedari hakikat itu, Perdana Menteri Mohd. Najib Tun Abdul Razak mengambil inisiatif mengumumkan penubuhan pasukan petugas badan dan meneliti isu yang berkaitan dengan jenayah, terutamanya jenayah rogol yang membabitkan kanak-kanak. Beliau telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017.

Sehubungan dengan hal itu, seminar kebangsaan tentang jenayah seksual kanak-kanak diadakan pada 14 Mac yang lalu. Seminar yang diberi nama "Seksual Kanak-kanak: Hentikan!" itu bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang jenayah seksual kanak-kanak dan cara melindungi kanak-kanak daripada sebarang ancaman penjenayah itu juga oleh pelbagai individu daripada lapisan masyarakat.

Sepanjang seminar berlangsung, Malaysia telah dan mengongsi pengalaman dengan United Kingdom, Australia dan India dalam usaha untuk membanteras jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak. Yang penting, pengumuman seminar itu cukup mustahab membantu kerajaan membawa perubahan legislasinya. RUU Kesalahan-kesalahan Seksual Kanak-kanak dibentangkan 28 Mac yang lalu. RUU Kesalahan-kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017 itu antara usaha kerajaan melakukan penambahbaikan terhadap akta sedia ada. Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-kanak 2001.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, menegaskan bahawa rang undang-undang baharu itu menekahtindakan pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) istilah pelaku yang mendekati kanak-kanak bergelut menjadi mangsa seksual, termasuk membina kepercayaan dan menjalin ikatan emosi dengan mangsa sebelum melakukan jenayah seksual terbabit.

Dalam keadaan ini, pelaku meminta mangsa merahsiakan perbualan, mula membincangkan dengan mangsa, menghantar bahan lucu dan menggunakan kata-kata manis terhadap mangsa. Lebih serius lagi, pengantunan berkembang dengan bantuan capaian komunikasi kanak-kanak yang lebih meluas dan tidak terkawal. mangsa ini, seperti janji temu dan sembang maya di media sosial.

"Persediaan seksual itu antara empat aspek yang dititikberatkan dalam RUU, selain pornografi kanak-kanak, gangster kanak-kanak, dan keterangan sokongan bagi ketahanan kanak-kanak yang boleh mensabitkan pelaku digigit menjadi inti pati dalam penggubalan akta baharu itu, sekiranya gus memberikan hukuman setimpal terhadap pelakunya.

MIMPI NGERI KANAK-KANAK

Pada 17 Januari, kira-kira 13 tahun yang lalu, kanak-kanak berusia 10 tahun ini menyorong basikalnya untuk keluar membeli barang di sebuah kedai hanya kira-kira 500 meter dari rumahnya di Kampung Pekajang, Gelang Patah, Johor. Tiada sesiapa menyangka bahawa detik itu menjadi riwayat terakhir kepada Nurul Huda Abdul Ghani. Murid tahun empat Sekolah Rendah Kebangsaan Tiram Duku, Gelang Patah, itu meninggal dunia selepas dirogol dan diliwat oleh tiga orang lelaki bergilir-gilir di pondok pengawal Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) di kampung berkenaan.

EDDY SUFFIAN

GR 0000 275379
P 54 3011/A08

"Kita mahu akta baharu ini memberikan peruntukan undang-undang secara spesifik, tanpa dilepaskan berikutan tiada atau tidak jelas untuk mensabitkan pelaku dengan kesalahan. Dalam Akta Kanak-kanak 2001, tiada peruntukan khusus, seperti perbuatan pelaku yang membuat persediaan awal mendekati kanak-kanak dengan niat tidak baik seperti mahu mencabuli mangsa," kata Datuk Seri Rohani.

Beliau turut menegaskan bahawa akta baharu ini akan mensabitkan kesalahan pornografi dengan konteks lebih meluas. Katanya, ibu bapa perlu memantau laman web yang diakses oleh anak supaya boleh mengesan perubahan, kecenderungan melakukan sesuatu yang menjurus ke arah jenayah seksual.

Katanya, "Biasanya ibu bapa hanya bertindak menghadkan masa penggunaan internet, tetapi itu tidak mencukupi, baik-baiknya ibu bapa perlu mengambil tahu hal komunikasi anak dan dengan siapa mereka berkomunikasi. Kespantasan teknologi, menjadikan pelaku mudah mengakses seperti menggunakan profil diri palsu, menambahkan kenalan di facebook tanpa pengenalan diri yang mencurigakan dan mula melakukan jenayah seksual secara tidak langsung."

Ketika pembentangan RUU Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 pada 28 Mac yang lalu di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama, terdapat tujuh elemen penting bagi menangani isu jenayah seksual kanak-kanak secara menyeluruh. Elemen diperuntukkan dalam rang undang-undang berkenaan adalah bagi kesalahan tambahan untuk menyokong undang-undang sedia ada, iaitu peruntukan bagi kesalahan yang berkaitan dengan pornografi kanak-kanak; kesalahan terhadap aktiviti pengantunan kanak-kanak; kesalahan yang berkaitan dengan amang seksual (*sexual assault*); kesalahan amang seksual fizikal; dan kesalahan amang seksual bukan fizikal. Elemen lain mengandungi peruntukan tentang hukuman yang dikenakan terhadap orang yang mempunyai hubungan kepercayaan dengan kanak-kanak bagi kesalahan yang dilakukan mengikut rang undang-undang berkenaan dan peruntukan tentang kebolehppercayaan serta keterangan saksi.

Rang undang-undang yang mengandungi 26 fasal dan tujuh bahagian itu terpakai bagi kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun, bahkan turut memperuntukkan pemakaian luar wilayah. Jika sesuatu kesalahan dilakukan mengikut akta yang akan dinamai Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 oleh rakyat Malaysia terhadap kanak-kanak di luar negara, individu berkenaan boleh disabitkan kesalahan itu seolah-olah dilakukan di dalam negara.

Rang undang-undang berkenaan, antaranya, memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan bagi kesalahan membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, mengambil bahagian, menyertai atau membabitkan diri dengan apa-apa cara dalam pembuatan, penghasilan atau

pengarahan pembuatan atau penghasilan sebarang pornografi kanak-kanak. Fasal enam pula memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan membuat persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak.

Di bawah fasal tujuh, individu disabitkan dengan kesalahan menggunakan atau menyebabkan seorang kanak-kanak digunakan dalam persediaan untuk membuat, menghasilkan atau dalam persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan tidak kurang lima sebatan. Fasal lapan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan bertukar-tukar, menerbitkan, menjual, menyewakan, mengedarkan, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, mengalakkan, mengimport, mengeksport, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara dan apa-apa pornografi kanak-kanak.

Jika sabit kesalahan, pelaku boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun dan tidak kurang tiga sebatan. Hukuman sama juga tertakluk bagi kesalahan memperoleh, mengumpul atau meminta apa-apa pornografi kanak-kanak atau mengambil bahagian dalam atau menerima keuntungan daripada apa-apa perniagaan. Bahagian tiga rang undang-undang itu mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan yang berkaitan dengan pengantunan kanak-kanak yang dirangkm dalam tiga fasal. Jika sabit kesalahan pengantunan kanak-kanak, hukuman penjara maksimum lima tahun dan sebatan boleh dikenakan.

Upaya penyelesaian jenayah seksual kanak-kanak melalui rang undang-undang ini diharapkan dapat menepis stigma masyarakat yang selama ini menilai penagakan undang-undang terhadap jenayah itu sebagai masih tempang, selain keinginan masyarakat yang mahu melihat hukuman tegas terhadap pelaku. Hal ini diharapkan dapat memerangi pemangsa seksual ini daripada terus bercambah di Malaysia tatkala angka mangsa jenayah seksual yang dilihat cenderung meningkat akhir-akhir ini. Walau apa-apa pun, di balik kesungguhan kerajaan untuk memperkasakan undang-undang memerangi jenayah seksual kanak-kanak, pokok pangkalnya berbalik kepada kesediaan masyarakat mendepani masalah ini.

Tabu dan sikap malu mangsa jenayah seksual, terutama keluarga mangsa itu sendiri yang tidak membuat laporan polis, menyebabkan pelakunya gagal diseret ke muka pengadilan. Ketika Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!, Dato' Seri Rohani menyatakan kebimbangan itu, namun tiada apa-apa yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengambil tindakan dan seterusnya mendakwa pesalah jenayah seksual. "Banyak yang malu dan tidak tampil membuat laporan polis. Apabila malu dan tidak ada laporan, tidak ada apa-apa yang boleh kita buat (untuk mendakwa pesalah). Ini yang saya risau," katanya. 